

M/S 32
23/4/15

Cabaran mengajar di pedalaman menuntut kesabaran tinggi

Mereka merentasi udara, darat dan air untuk tiba di sekolah demi mendidik, mencurahkan ilmu, membawa harapan dan nafas baharu kepada anak bangsa. Begitulah gambaran perjalanan yang harus diharungi guru, terutama yang berasal dari Semenanjung dan ditempatkan di sekolah pedalaman seperti di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Katibas, Kapit, Sarawak.

Pengembaraan mereka dari Semenanjung menuju ke SMK Katibas, bermula dengan menaiki kapal terbang ke Sibu. Selepas itu, mereka meneruskan perjalanan dengan menaiki bot ekspres yang

membelah arus menongkahkan Sungai Rejang selama dua jam untuk tiba di pekan kecil daerah Song, sebuah daerah terpencil yang hanya dapat dihubungi menerusi jalan air.

Berperahu ke sekolah

Setibanya di pekan Song, mereka perlu menyambung perjalanan menggunakan perahu panjang yang disediakan sekolah, menyusuri Sungai Katibas, antara cabang sungai yang terdapat di daerah Song, menghala ke hulu selama 30 hingga 40 minit sebelum tiba di SMK Katibas.

Di sinilah mereka akan berkhidmat dan berbakti. Perjalanan

yang sama harus diharungi setiap kali ingin mengunjungi kawasan bandar atau berhasrat pulang ke kampung halaman ketika cuti sekolah atau sambutan perayaan.

Selain menanggung keletihan dan risiko bahaya perjalanan bagi menjejaskan kaki ke sekolah, lokasi sekolah yang terletak jauh dari bandar atau pekan turut mengakibatkan mereka berdepan pelbagai cabaran dalam sesi pengajaran kerana masalah kemudahan pengajaran yang terhadap dan infrastruktur tidak lengkap.

SMK Katibas yang terletak di kawasan pedalaman dan dikelilingi bukit-bukau turut tidak memungkinkan guru menikmati

kemudahan telekomunikasi. Justeru, mereka tidak dapat berhubung secara langsung dengan dunia luar.

Masalah elektrik, air bersih

Mereka juga harus membiasakan diri dengan bekalan elektrik yang bersifat berkala dan masalah mendapatkan bekalan air bersih. Keadaan ini menuntut ketabahan dan kesabaran yang tinggi. Selain itu, perbezaan sosiobudaya dalam kalangan pelajar dan komuniti setempat turut dianggap sebagai cabaran buat mereka. Majoriti pelajar SMK Katibas adalah etnik Iban yang mendiami rumah panjang.

Mereka berdepan cabaran mempelajari bahasa ibunda atau dialek setempat demi memastikan dapat mendekati diri, memudahkan proses suai kenal, menambah kemesraan antara guru dengan pelajar serta meningkatkan penerimaan pelajar terhadap guru dan perhubungan baik ini seterusnya diyakini dapat menyumbang kepada keberkesanan sesi pengajaran.

Walau apa pun rintangan atau cabaran, guru SMK Katibas dan mereka yang mengajar di sekolah luar bandar akan terus mengekalkan keterujaan merealisasikan misi mendidik anak bangsa menjadi insan berjaya.

Kwok Chin Hoe,
Calon Doktor Falsafah (PhD),
Universiti Putra Malaysia